



KERAJAAN MALAYSIA

**Kriteria Pemberian Taraf
*"Bumiputera Controlled Public Listed Companies"***

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PEMBERIAN TARAF "<i>BUMIPUTERA CONTROLLED PUBLIC LISTED COMPANIES</i>"	2
LB 1.1 Kriteria Pemberian Taraf "<i>Bumiputera Controlled Public Listed Companies</i>"	2
1. Tujuan	2
2. Kriteria Pemberian Taraf <i>BCPLC</i>	2
3. Cara Pemberian Taraf <i>BCPLC</i>	2
4. Pelepasan Pegangan Saham Bumiputera.....	2
5. Pengesanan Dan Pengawasan.....	3
6. Syarat-syarat Yang Dikenakan Ke Atas <i>BCPLC</i> Untuk Memasuki Tender Kerja Kerajaan.....	3
LAMPIRAN	4

PEMBERIAN TARAF "BUMIPUTERA CONTROLLED PUBLIC LISTED COMPANIES"**LB 1.1 Kriteria Pemberian Taraf "Bumiputera Controlled Public Listed Companies"****1. Tujuan**

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan agensi Kerajaan mengenai pemberian taraf Bumiputera kepada syarikat-syarikat awam yang tersenarai di Bursa Malaysia. Taraf Bumiputera ini akan dikenali sebagai *Bumiputera Controlled Public Listed Companies (BCPLC)*.

2. Kriteria Pemberian Taraf BCPLC

2.1 Syarikat awam yang dikuasai oleh Bumiputera akan mendapat status *BCPLC* sekiranya syarikat tersebut memenuhi semua kriteria seperti mana di [Lampiran A](#).

3. Cara Pemberian Taraf BCPLC

3.1 Permohonan untuk mendapatkan taraf *BCPLC* hendaklah dikemukakan terus kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

3.2 MITI akan memproses permohonan syarikat dan akan mengeluarkan surat pengesahan kepada syarikat dan surat tersebut disalin kepada Kementerian Kewangan atau Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), mengikut mana yang berkenaan, menyatakan bahawa syarikat awam berkenaan adalah layak untuk diberikan taraf *BCPLC*. **Sebarang rayuan bagi permohonan syarikat yang ditolak hendaklah dikemukakan kepada agensi yang memproses permohonan syarikat berkenaan.**

3.3 Agensi yang mengeluarkan Sijil Pendaftaran kepada syarikat *BCPLC*, hendaklah memastikan hanya nama anak syarikat yang memenuhi kriteria dua (2) hingga enam (6) di [Lampiran A](#) sahaja dicatatkan dengan jelas di atas sijil tersebut.

4. Pelepasan Pegangan Saham Bumiputera

4.1 *BCPLC* yang pada masa ini mempunyai pegangan saham lebih 51% boleh mengurangkan ekuiti Bumiputeranya secara berperingkat tetapi tidak boleh kurang daripada 35% dan saham tersebut hendaklah dipindah milik kepada syarikat Bumiputera yang lain.

- 4.2 Sekiranya tidak terdapat syarikat Bumiputera yang berminat, pelepasan kepada bukan Bumiputera boleh dipertimbangkan oleh MITI dengan mengemukakan bukti yang cukup.

5. Pengesanan Dan Pengawasan

- 5.1 Untuk tujuan pengesanan dan pengawasan status *BCPLC*, syarikat yang telah diberikan taraf tersebut dikehendaki mematuhi peraturan berikut:

5.1.1 syarikat dikehendaki mengemukakan laporan status syarikat mengenai pegangan ekuiti, Pengerusi dan Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat kepada MITI setiap tiga (3) bulan sekali; dan

5.1.2 **sekiranya terjadi pegangan saham Bumiputera berkurangan lebih daripada 35%, syarikat hendaklah melaporkannya dengan serta-merta kepada MITI.**

- 5.2 MITI akan melaporkan ketidakpatuhan perkara di perenggan (5.1) di atas dengan serta-merta kepada Kementerian Kewangan atau PKK dan taraf tersebut hendaklah dibatalkan dengan serta-merta.

- 5.3 Syarikat yang telah dibatalkan taraf *BCPLC* boleh membuat permohonan baru untuk pemberian taraf *BCPLC* kepada MITI.

6. Syarat-syarat Yang Dikenakan Ke Atas *BCPLC* Untuk Memasuki Tender Kerja Kerajaan

- 6.1 Syarikat yang mendapat taraf *BCPLC* hanya dibenarkan memasuki tender kerja Kerajaan yang bernilai melebihi RM30 juta sahaja. Syarat ini juga terpakai kepada semua anak syarikat *BCPLC*.

- 6.2 Syarikat *BCPLC* tidak dibenarkan memasuki mana-mana tender yang dikhaskan atau dirizabkan kepada syarikat yang bertaraf Bumiputera mengikut definisi **1Pekeliling Perbendaharaan, PK - Perolehan Kerajaan.**

LAMPIRAN

LAMPIRAN A**KRITERIA PEMBERIAN TARAF *BUMIPUTERA CONTROLLED PUBLIC LISTED COMPANIES***

1. Syarikat awam yang disenaraikan itu dikuasai secara langsung oleh institusi / kumpulan / syarikat / individu Bumiputera yang dikenal pasti merupakan pemilik tunggal terbesar dengan memiliki sekurang-kurangnya 35% kuasa mengundi syarikat atau pemiliknya secara agregat terdiri daripada 2 atau 3 institusi / kumpulan / syarikat / individu Bumiputera yang dikenal pasti memiliki sekurang-kurangnya 35% kuasa mengundi syarikat. Di samping itu tidak terdapat institusi / kumpulan / syarikat / individu Bukan Bumiputera memegang lebih daripada 10% kuasa mengundi syarikat atau secara agregat institusi / kumpulan / syarikat / individu Bukan Bumiputera yang dikenal pasti sebagai *substantial shareholders* (memiliki 5% dan ke atas) memiliki tidak lebih daripada 24% kuasa mengundi syarikat.
2. Pemegangan ekuiti institusi / kumpulan / syarikat / individu Bumiputera itu tidak bersekutu atau bergabung secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana institusi / kumpulan / syarikat / individu Bukan Bumiputera.
3. Institusi / kumpulan / syarikat / individu Bumiputera itu adalah pemilik yang sah dan berupaya untuk menggunakan kuasa mengundi selaku pemegang ekuiti dan dapat bertindak secara bebas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.
4. Sekurang-kurangnya 51% daripada ahli Lembaga Pengarah termasuk Pengerusi Syarikat yang dilantik oleh pemegang saham syarikat itu adalah Bumiputera.
5. Pengarah Urusan (*Managing Director*) / Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Officer*) adalah seorang Bumiputera.
6. Sekurang-kurangnya 51% daripada anggota pengurusan, profesional dan kakitangan penyeliaan adalah terdiri daripada Bumiputera.
7. Institusi / kumpulan / syarikat / individu Bumiputera terlibat akan berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam kegiatannya.